



Borneo Mail 29/11/95

40 peratus pelajar Sabah menuntut di UMS

AMANAH SAHAM NASIONAL (ASIN), Amanah Saham Bumiputera (ASB) dan Amanah Saham Johor (ASJ) yang dikhaskan untuk Bumiputera.

Beliau berkata demikian semasa menjawab soalan tambahan Hashim Ismail (BN-Ledang) pada persidangan Dewan Rakyat kelmarin.

Wong berkata antara usaha kerajaan yang lain bagi menggalakkan tabungan ialah tabungan melalui caruman oleh majikan dan pekerja dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Katanya, antara langkah yang diambil dalam Belanjawan 1996 ialah meningkatkan lagi kadar caruman KWSP pekerja kepada 11 peratus mulai bulan Januari 1996.

Sektor korporat juga digalakkan menubuhkan kumpulan wang pencen persendirian bagi manfaat pekerja mereka, kata beliau.

Mengenai masalah prosedur tuntutan insurans, Wong berkata mulai Februari tahun ini, Bank Negara telah mengeluarkan garis panduan kepada syarikat insurans supaya menyelesaikan sesuatu tuntutan secara adil dan dalam tempoh yang berpatutan. — Bernama

KOTA KINABALU: Pelajar-pelajar tempatan Sabah merupakan 40 peratus dari jumlah pelajar-pelajar yang sedang menuntut di Universiti Malaysia Sabah ketika ini.

Naib kanselor UMS Prof. Datuk Dr Abu Hassan Othman memberikan angka ini dalam ucapan alu-aluannya dalam upacara pecah tanah di tapak tetap kampus universiti berkenaan di Teluk Likas dekat sini kelmarin.

Katanya UMS boleh menampung 5,000 orang penuntut menjelang tahun 2,000.

"Fasa pertama pembinaan

kampus dijangka selesai dalam tahun 1998," kata Abu Hassan selanjutnya. Katanya lagi, "ini bermakna kami boleh berpindah ke kampus tetap pada tahun tersebut."

Ketika ini UMS menggunakan bangunan Kolej Komuniti Yayasan Sabah yang juga terletak di Teluk Likas sejak sesi akedemi pertama mulai bulan Julai tahun ni. Penggunaan bangunan tersebut hanyalah untuk sementara sahaja.

UMS sekarang mempunyai 430 orang pelajar dalam berbagai-bagai jurusan pengajian peringkat kedoktoran, master dan

sarjana muda dan juga matrikulasi.

Abu Hassan berkata UMS sedang meneroka bidang baru dan berharap menjadi katalis perubahan masyarakat dan negara khususnya di negeri Sabah.

Usaha-usaha sedang dijalankan untuk memperkenalkan konsep pendidikan yang liberal dan pelbagai kepada para penuntut.

Dalam hal ini, UMS merancang menubuhkan Institut Penyelidikan Samudera Borneo, Institut Biologi dan Pemuliharaan Tropika dan Taman Teknologi Perniagaan, tambahan.